

# Media Prima sedia sajian berbuka, sahur pelajar miskin

**Shah Alam:** Golongan penuntut kurang berkemampuan di empat universiti awam di Lembah Klang berpeluang menikmati sajian berbuka puasa dan sahur sepanjang Ramadan anjuran Jabatan Berita dan Hal Ehwal Semasa (NCA) Media Prima Berhad.

Pengarang Urusan NCA Media Prima, Datuk Manja Ismail, berkata program Gerobok Rezeki Ramadan (GRR) 2019 akan memanfaatkan sekurang-kurangnya 800 pelajar di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada setiap hari.

“Golongan kurang berkemampuan ini boleh menikmati makanan berkhasiat secara percuma pada setiap hari sepanjang bulan mulia ini.

## Tempatkan di masjid

“Mereka yang kurang berkemampuan boleh mengambil makanan kering, minuman dan buah-buahan dari pantri GRR 2019 yang



Manja Ismail

ditempatkan di masjid setiap universiti untuk berbuka dan bersahur.

“Antara juadahnya ialah pek lengkap sajian berbuka manakala untuk bersahur, pelajar boleh memilih untuk mengambil roti, kek, pek lauk pauk segera untuk dimakan bersama nasi atau roti, sapuan tuna, biskut, jus dan buah-buahan.

“Pembabitan NCA dalam program seperti food bank adalah usaha murni yang tercetus daripada laporan berita mengenai kesengsaraan sebahagian penuntut yang terpaksa mengikat perut disebabkan masalah kemiskinan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian GRR 2019 di Mas-

jid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah Alam, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor UiTM, Profesor Dr Mohd Nazib Suratman dan Pengurus Besar NCA, Wan Sabariah Shikh Ali.

Manja berkata, program GRR itu mendapat kerjasama anak syarikat kerajaan Selangor antaranya Menteri Besar Diperbadankan (MBI) Selangor dan Worldwide Holdings Berhad.

## Sajian RM256,000

“Saya berterima kasih kepada MBI kerana bermurah hati menyediakan sajian berbuka sepanjang Ramadan bernilai RM256,000.

“Selain itu, program ini turut mendapat kerjasama Tabung Koperasi NSTP dan Media Prima Berhad serta beberapa penaja lain,” katanya.

Mengulas lanjut, katanya, GRR 2019 sebahagian daripada projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) TV9 #pulihkanharapan yang dimulakan sejak lima tahun lalu.